

SEJARAH SARAWAK



HISTORY OF SARAWAK



PANEL 1

SEJARAH DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK



HISTORY OF SARAWAK STATE LEGISLATIVE ASSEMBLY

ASTANA, KUCHING



Kediaman pertama Brooke, Astana • *Brooke's first Residence, Astana*



Astana, 2019

SEJARAH DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

HISTORY OF SARAWAK STATE LEGISLATIVE ASSEMBLY

Evolusi Dewan Undangan Negeri Sarawak bermula dengan tertubuhnya *General Council* (Majlis Umum) semasa pemerintahan Brooke di bawah Rajah Muda Charles Johnson Brooke, yang kemudiannya menjadi Rajah Sarawak yang kedua.

Mesyuarat *General Council* diadakan di Bintulu buat julung kalinya pada 8 September, 1867. Selepas Bintulu, mesyuarat-mesyuarat *General Council* berikutnya diadakan di Sibu pada 1868, kemudian di Astana dari 1870. Dari 1918, mesyuarat diadakan di Bangunan Mahkamah dan Astana.

State Legislative Assembly of Sarawak began with the establishment of the General Council during the Brooke Regime. The formation of the General Council was the brainchild of Rajah Muda Charles Johnson Brooke, whom later became the Second Rajah of Sarawak.

The first General Council sitting was held on the 8th September, 1867 in Bintulu, Sarawak. After Bintulu, the second General Council sitting was held in Sibu in 1868, thereafter it was held at the Astana from 1870. From 1918, the meetings were held at the Court House and Astana.

**Negri* = *Negeri*



1867: Tapak bangunan di mana mesyuarat *General Council* yang pertama di adakan di Bintulu • *The site where the first Council Negri Meeting was held in Bintulu.*



1868: Mesyuarat Council yang kedua di adakan di Sibu • *The second Council Meeting was held in Sibu.*

PERSIDANGAN MAJLIS UMUM PERTAMA THE FIRST GENERAL COUNCIL MEETING BINTULU, 8 SEPTEMBER 1867

Charles Brooke

5 Pegawai / British Officers

**James B. Cruickshank
Alfred R. Hoceghton**

**James H. Nelson
William H. Rodway**

Thomas S. Chapman

**16 Ahli Melayu dan Melanau yang beragama Islam /
*Malay and Melanau Muslim members***

**Tuan Khatib
Pengiran Mathair
Awang Dollah
Abang Tek
Abang Man**

**Datu Bandar
Pengiran Abu Bakar
Setia Raja Pengiran Manai
Abang Apong
Abang Galan
Abang Yusof**

**Pengiran Matusin
Abang Matassan
Abang Ain
Abang Leman
Abang Ali**

Note: Dayak leaders were appointed from 1868 onwards

General Council telah menjadi asas kepada penubuhan sebuah badan perundangan yang dinamakan Majlis Negri* (Council Negri*) yang kemudian dipanggil Dewan Undangan Negeri pada tahun 1976 dalam proses secara berperingkat. Seterusnya, telah berkembang menjadi badan perundangan yang dipilih secara demokratik.

Setelah pengumuman Konsep Malaysia Raya pada 1961, *Council Negri* telah membuat ratifikasi serta perlindungan khas terhadap cadangan itu pada tahun 1963 dengan membuat perubahan penting dalam perlembagaan. Pada 31 Ogos 1963, Sarawak menjadi sebuah negeri yang mempunyai sistem pemerintahan sendiri dengan kabinet yang dipilih sepenuhnya. Enam belas hari kemudian (16 September 1963), Sarawak bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara dan Singapura membentuk negara Malaysia.

The General Council came into existence as an advisory and consultative body and ripened into a non-elected Legislative Assembly known as Council Negeri before it changed its name to "Dewan Undangan Negeri" in 1976. It finally blossomed into a democratically elected Legislature.

After the announcement of the Malaysia Raya Concept in 1961, the Council Negeri had ratified and supported the concept in 1963 by making changes in the constitution. On August 31, 1963, Sarawak had a self-governing system with a fully elected cabinet. Sixteen days later (16th September, 1963), Sarawak together with the Federation of Malaya, North Borneo and Singapore formed Malaysia.

*Negri = Negeri



Bangunan Mahkamah • Court House building, 1941



Dewan Pembangunan Tun Abdul Razak, 1973



Kompleks Dewan Undangan Negeri • Sarawak State Assembly Complex, 1976




Dewan Undangan Negeri Sarawak • Sarawak State Assembly, 2009

THE INCEPTION OF SARAWAK'S CONSTITUTION

Perlembagaan bertulis yang dinamakan **Constitutional Order 1941** bermula pada tahun 1941. Ia digubal dan diumumkan semasa perayaan Ulang Tahun ke-100 Pemerintahan Brooke. Sejak itu, mesyuarat-mesyuarat Council Negri diadakan di Bangunan Mahkamah, Kuching dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha.

*The inception of constitutionalism began in 1941 with the enactment of the **Constitutional Order 1941**. It was announced and duly enacted during the centenary celebrations in September 1941. Since then, the Council Negri Meeting was held at the Court Building, chaired by Chief Secretary.*



Rajah Charles Vyner Brooke: Mengumumkan cadangan perlembagaan pada 31 Mac 1941 • Announcing the constitutional proposal, 31st March, 1941. [Digby, 1980]



1941, Kuching: Perayaan Ulang Tahun Ke-100, Pejabat Kerajaan • Centenary Day Celebration, Government Offices [Digby, 1980]

Perlembagaan dengan badan eksekutif (Majlis Tertinggi) dan badan perundangan (Majlis Negri) memberi kuasa yang lebih luas kepada Majlis Negri untuk membuat undang-undang. Dari 1941, semua rang undang-undang perlu diluluskan oleh Majlis Negri.

The Constitution with the executive body (Supreme Council) and the legislative body (Council Negri) provided wider powers to the Council Negri to make law. From 1941, all statutes had to be passed by Council Negri before becoming law.



November 1941: Majlis Negri selepas enakmen perlembagaan •
Council Negri after enactment of Constitution. [Digby, 1980]



Kuching, September 1963: Majlis Negri di Bangunan Mahkamah •
Council Negri at Court House



PANEL 2

SEJARAH PEMERINTAHAN SARAWAK



SARAWAK'S ADMINISTRATIVE HISTORY

PENGENALAN SARAWAK “IBU PERTIWIKU”

Negeri Sarawak mempunyai sejarah pemerintahannya yang tersendiri, bermula dengan kekuasaan kerajaan Brunei, diikuti pemerintahan keluarga Brooke.

Perlembagaan Sarawak diisytiharkan pada 24 September, 1941, seterusnya pembentukan *Supreme Council* dan Persidangan Majlis Negeri sebagai dasar yang menjanjikan kerajaan sendiri kepada Sarawak.

Walau bagaimanapun, semasa Perang Dunia Ke-II, Jepun menduduki Sarawak dari Disember 1941 hingga 11 September, 1945. Sarawak menjadi *Crown Colony* Kerajaan British pada 21 Meai, 1946.

22 Julai, 1963, merupakan satu peristiwa penting bagi Sarawak dengan peralihan dan penyerahan kuasa kepada anak Negeri. Pembentukan Malaysia pada 16 September, 1963 bersama-sama dengan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura dan Borneo Utara merupakan era baru sebagai sebuah negara dengan penduduknya yang berbilang bangsa, agama dan budaya.

Kemerdekaan yang kita nikmati pada hari ini adalah hasil dari pengorbanan para pemimpin dan generasi terdahulu, yang telah berjuang dalam usaha memastikan kemerdekaan itu adalah milik seluruh rakyat Sarawak. Erti kemerdekaan haruslah dihayati dan didalami nilainya oleh pelbagai lapisan masyarakat. Kejayaan dan perpaduan yang dikecapi merupakan kebanggaan terbesar untuk Sarawak, harus dipelihara dan dikekalkan demi Sarawak Ibu Pertiwiku.

LAGU KEBESARAN SARAWAK



Fair Land Sarawak (1946 – 1973)

*Fairland Sarawak
We will never cease to honour thee
And with our loyal sons
Defend your liberty
From your high forest hills
Down to the open sea
May Freedom ever reign
Men live in unity
Proudly our flag flies high
Above our country strong and free
Long may our people liveIn peace and
harmony*

Lirik oleh Frank C. Ogden yang berasal dari lagu “Gone Forth Beyond the Sea” kemudiannya muzik telah diolah semula oleh George R. K. Freeth pada tahun 1963.

Lyrics by Frank C. Ogden. The tune is from the previous “Gone Forth Beyond The Sea”, but revised and arranged by George R. K. Freeth in 1963.

INTRODUCTION TO SARAWAK “IBU PERTIWIKU”

Sarawak has its own unique history of administration, beginning with Brunei rule, followed by the Brooke family rule.


The Sarawak Constitution was declared on the 24th September 1941, followed by the setting up of the Supreme Council and Sitting of the Council Negri, paving the way for self-rule by the people of Sarawak.

However, during the Second World War, Japanese Occupied Sarawak from December 1941 to 11th September 1945. Sarawak became a Crown Colony of the British Empire on the 21st May, 1946.

22nd July 1963 was a historic date in the annals of Sarawak, with the transition and handing over of power to Sarawak and Sarawakians. On the 16th September, 1963, Malaysia was jointly formed by the Federation of Malaya, Sarawak, Singapore and North Borneo, signifying a new era for multi-racial, multi-religious and multi-cultural Sarawak as a free country.

The independence which we enjoy today is the result of the sacrifice of former leaders and generations before, who struggled to ensure that this independence is enjoyed by all the people of Sarawak. The full meaning and significance of independence must be experienced and appreciated by everyone. The success and unity we are experiencing now is a source of pride for Sarawak, which must be defended and must prevail for “Sarawak Ibu Pertiwiku”.

SARAWAK STATE ANTHEM



Sarawak Bahagia (1973 - 1988)

*Sarawak negeriku berdaulat merdeka
Rakyatnya hidup teguh bersatu padu
Semua berazam terus berkhidmat
pada negara
Sentiasa maju pertiwi
Bahagialah tanahairku
Sarawak negeri yang kucinta kupoja
Untukmu ku rela korban jiwa raga
Abadikan Sarawak ya Tuhan dalam
Malaysia*

Lirik / Lyrics: Ismail Hassan (1922-1991)

Muzik / Music: Dato' Haji Wan Othman Wan Hamid Alkhatib
(1931-2008)

**LAGU KEBESARAN SARAWAK
SARAWAK STATE ANTHEM**



Sarawak Ibu Pertiwiku (1988 –)

*Sarawak Tanah Air Ku
Negeri Ku Tanah Air Ku Sarawak
Engkaulah Tanah Pusakaku Tanah
Tumpah Darah Ku
Ibu Pertiwi Ku*

*Rakyat Hidup Mesra Dan Bahagia
Damai Muhibbah Sentiasa
Bersatu Berusaha Berbakti
Untuk Sarawak Ku Cintai*

*Sarawak Dalam Malaysia
Aman Makmur Rahmat Tuhan Maha Esa
Kekallah Sarawak Bertuah
Teras Perjuangan Rakyat
Berjaya Berdaulat*

Lagu kebesaran negeri Sarawak telah diguna pakai sejak tahun 1988. Susunan Muzik oleh Dato' Haji Wan Othman Wan Hamid Alkhatib (1931-2008), manakala lirik ditulis oleh Ismail Hassan (1922-1991).

The state anthem of Sarawak Ibu Pertiwiku was adopted since 1988. Dato' Haji Wan Othman Wan Hamid Alkhatib (1931-2008) composed the music, while Ismail Hassan (1922-1991) wrote the lyrics.

BENDERA SARAWAK THE SARAWAK FLAG



Warna Merah melambangkan keberanian, kesungguhan dan pengorbanan rakyat dalam daya usaha mereka yang berterusan untuk mengejar serta mempertahankan kemajuan dan ketinggian maruah dalam proses membina Sarawak sebagai Negeri Contoh.

Warna Kuning melambangkan keagungan perundangan dan peraturan (Order), perpaduan serta stabiliti dalam masyarakat yang berbilang kaum.

Warna Hitam melambangkan kekayaan sumber asli Sarawak seperti minyak mentah, balak dan sebagainya yang merupakan landasan bagi memajukan rakyatnya.

Bintang yang berwarna
kuning bermuncung sembilan melambangkan bahagian-bahagian di mana rakyatnya tinggal di dalam harmoni. Simbol bintang juga merupakan cita-cita tinggi rakyat kita dan hasrat perjuangan kita untuk meninggikan mutu kehidupan selepas Merdeka.

Red Colour symbolises the courage, determination and sacrifices of the people in their tireless pursuit to attain and maintain progress and esteem in the course of creating a model State.

Yellow Colour denotes the supremacy of law and order, unity and stability in diversity.

Black Colour symbolises the rich natural resources and wealth of Sarawak such as petroleum, timber etc., which provide the foundation for advancement of her people.

Yellow Pointed Star denotes the divisions where the people live in harmony. The star symbol also embodies the aspiration of the people of Sarawak in their quest to improve their quality of life.

JATA NEGERI SARAWAK THE SARAWAK CREST



Jata Negeri menjunjungkan kemegahan 'Bumi Kenyalang', terbang tinggi dengan aspirasi dan pencapaian dalam semua lapangan daya usaha, berpanduan ideologi 'politik pembangunan'.

The Sarawak Crest signifies the proud 'Land of the Hornbills' flying high in aspirations and achievements in all fields of endeavour, guided by the ideology of the 'Politics of Development'.

Era Kesultanan Brunei Brunei Sultanate Era



Sebelum 24 September 1841
Before 24 September 1841

Era Koloni British - 1970an British Colonial Era - 1970s



1 Julai 1946 – 30 Ogos 1973
1 July 1946 – 30 August 1973

Era Raja Brookes Rajah Brooke's Era



24 September 1841 – 20 September 1848
24 September 1841 – 20 September 1848

1970an – kini 1970s – present



31 Ogos 1988 – 30 Ogos 1988
31 August 1973 – 30 August 1988



21 September 1848 – 6 Mei 1870
21 September 1848 – 6 May 1870



31 Ogos 1988 – kini
31 August 1988 – present

PEMERINTAHAN BRUNEI BRUNEI ERA

1599 - 1841

Pada 1599 Pengiran Muda Tengah Ibrahim Ali Omar Shah, turut dikenali sebagai Sultan Tengah, telah dilantik dan menubuhkan Santubong sebagai ibu kota. Selepas kemangkatan Sultan Tengah pada 1641, Kesultanan Brunei tidak lagi melantik Sultan Sarawak yang baharu, sebaliknya menyerahkan segala tanggungjawab untuk mentadbir Sarawak kepada wakil-wakil Sultan Brunei. Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muhammad Salleh menjadi Gabenor Sarawak dari awal sehingga pertengahan abad ke-19, beliau dibantu oleh Pengiran Muda Hashim. Pemerintahan Kesultanan Brunei di Sarawak berakhir apabila Rajah Puteh mula menguasai wilayah-wilayah baharu untuk membina sebuah kerajaan mereka sendiri.

In 1599, Pengiran Muda Tengah Ibrahim Ali Omar Shah, also known as Sultan Tengah, became the first Sultan of Sarawak and established Santubong as his capital. After Sultan Tengah's death in 1641, Brunei Sultan Omar Ali Saifuddin II did not appoint another Sultan for Sarawak, instead the responsibility of administering Sarawak was given to Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muhammad Salleh. He became the Governor of Sarawak in the early to mid-19th century, accompanied by Pengiran Muda Hashim. The reign of the Brunei Sultanate in Sarawak ended when the White Rajahs began to take control of larger territories to carve out a kingdom for themselves.



Perjanjian Brooke 1841 telah disahkan oleh Sultan Omar Ali Saifuddin II pada Ogos 1842 di Mahkamah Sultan Brunei

Brooke's 1841 agreement was ratified by Sultan Omar Ali Saifuddin II in August 1842 at the Court of Brunei Sultan



Sultan Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddin II
Sultan of Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddin II



Raja Muda Hashim

PEMERINTAHAN BROOKE BROOKE ERA **1841-1941**

Sir James Brooke belayar ke Sarawak dengan kapalnya ‘Royalist’ pada tahun 1839 untuk membantu Kesultanan Brunei menangkis serangan lanun dan pemberontak. Sebagai ganjaran bagi perkhidmatannya kepada Kesultanan Brunei, Raja Muda Hashim menawarkan jawatan Gabenor Sarawak kepada Sir James Brooke pada 24 September, 1841. Pada 1 Ogos 1842, Sultan Omar Ali Saifuddin II dari Brunei mengisytiharkan Sir James Brooke sebagai Rajah Sarawak. Pada 19 Januari 1864, Kerajaan British mengiktiraf Sarawak sebagai sebuah negara. Sir James Brooke digantikan oleh anak saudara lelakinya Sir Charles Brooke pada 3 Ogos 1868. Dan pada 24 Mei 1917, Sir Charles Vyner Brooke diisytiharkan sebagai Rajah Puteh Ketiga, Sarawak.

Sir James Brooke sailed to Sarawak on his ship ‘Royalist’ in the year 1839 to assist the Brunei Sultanate in fighting off attacks from pirates and insurgent. As a reward for his services to the Brunei Sultanate, Raja Muda Hashim offered to confer Sir James Brooke the title of Governor of Sarawak on 24th September, 1841. On 1st August, 1842, Sultan Omar Ali Saifuddin II of Brunei proclaimed Sir James Brooke as the Rajah of Sarawak. On 19th January, 1864, the British Government recognised Sarawak as an independent nation. Sir James Brooke was succeeded by his nephew Sir Charles Brooke on 3rd August, 1868. Sir Charles Vyner Brooke was proclaimed the third White Rajah of Sarawak on 24th May, 1917.



Sir James Brooke
Memerintah Sarawak daripada
24 September 1841 hingga 11 Jun 1868

Ruled Sarawak from
24 September 1841 to 11 June 1868



Sir Charles Brooke
Memerintah Sarawak daripada
3 Ogos 1868 hingga 17 Mei 1917

Ruled Sarawak from
3 August 1868 to 17 May 1917




Sir Charles Vyner Brooke
Memerintah Sarawak daripada
24 Mei 1917 hingga 1 Julai 1946

Ruled Sarawak from
24 May 1917 to 1 July 1946

PEMERINTAHAN JEPUN JAPANESE ERA

1941-1945



16 SEPTEMBER 1941

Tentera Laut Jepun
menceroboh dan menduduki Miri

19 DISEMBER 1941

15 kapal terbang pengebom Jepun
menyerang Kuching

24 DISEMBER 1941

Jepun tawan bandar Kuching

6 OGOS 1945

Tentera Amerika mengebom bandar
Hiroshima

7 OGOS 1945

Nagasaki di bom tentera Amerika

16 OGOS 1945

Tentera Jepun diarahkan menghentikan
peperangan

11 SEPTEMBER 1945

Sarawak Bebas dari Pemerintahan Jepun

Order of Battle Map: digunakan oleh pihak Jepun semasa Perang Dunia Ke-II di Sarawak • used by Japanese during World War II in Sarawak [Peta/ Map: Dato Seri John Pike, 2005]

Bendera Sarawak dinaikkan pada 11 September 1945 di Kem Banduan Perang Batu Lintang oleh J.B.Archer.

Tentera Laut Jepun menceroboh dan menduduki Miri pada 16 Disember, 1941 dan pada 24 Disember, 1941 pihak Jepun menduduki bandar Kuching. Sarawak telah mengalami keadaan yang penuh keganasan dan ketakutan semasa pemerintahan Jepun dan ia adalah tempoh yang hitam dalam sejarah Sarawak. Sarawak dibebaskan dari Pemerintahan Jepun pada 11 September, 1945.



The Japanese Navy forcefully occupied Miri on the 16 December, 1941 and by 24th December, 1941, the Japanese forces occupied Kuching town. Sarawak experienced a period of violence and fear under the Japanese occupation, marking a dark period in the history of Sarawak.

Sarawak was freed from Japanese occupation on the 11th September, 1945.

Pemerintah Kawasan Jepun, Mejar Hiryoe Yamamura menyerah diri secara rasmi kepada Brigadier Jeneral Thomas Eastick, wakil Kuasa Bersekutu pada 11 September, 1945 • Japanese Area Commander, Major General Hiryoe Yamamura formally surrendered to Brigadier General Thomas Eastick of the Allied Forces on 11 September, 1945.

PEMERINTAHAN BRITISH 1946 - 1963

BRITISH ERA



1

SIR CHARLES ARDEN CLARKE
(20 October, 1948 – 26 July, 1949)



2

SIR DUNCAN STEWART
(14 November, 1949 - 10 December, 1949)



3

SIR ANTHONY ABELL
(3 April 1950 - 14 November 1959)



4

SIR ALEXANDER WADDELL
(23 February 1960 - 15 September 1963)

Tamat Perang Dunia Ke-II, Charles Vyner Brooke berasa tidak mampu lagi untuk mentadbir Sarawak, maka rundingan telah dibuat untuk menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British. Pada tahun 1946 Sarawak telah bertukar tangan daripada pemerintahan Brooke kepada kerajaan British, walaupun sebahagian besar masyarakat peribumi tidak bersetuju dengan penyerahan tersebut. Semasa pemerintahan jajahan British, seramai empat orang Gabenor telah dilantik untuk memerintah Sarawak.

When the World War II ended, Charles Vyner Brooke could no longer govern Sarawak, therefore he initiated negotiations to hand Sarawak over to the British government. In 1946 Sarawak changed hand from Brooke rule to the British Government, amidst strong objections from the majority of the native population. A total of four British Governors were appointed to govern Sarawak.




Rajah Charles Vyner Brooke menandatangani perjanjian penyerahan Sarawak kepada kerajaan British pada 21 Mei, 1946. C.W. Dawson mewakili kerajaan British.



PANEL 3

SARAWAK

KE ARAH PEMERINTAHAN SENDIRI



TOWARDS SELF-GOVERNANCE

1963

MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDINGAN PERPADUAN MALAYSIA

MALAYSIA SOLIDARITY CONSULTATIVE COMMITTEE
MEETING (MSCC)

1961

Persidangan Persatuan Parlimen Komanwel yang disertai oleh pemimpin-pemimpin dari Sarawak, Borneo Utara*, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu telah diadakan di Singapura pada 23 Julai 1961. Persidangan tersebut mencadangkan satu Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia ditubuhkan. Empat mesyuarat yang telah diadakan menghasilkan perkara-perkara asas berkaitan Perlembagaan Malaysia diantaranya ialah perlunya sebuah Kerajaan Persekutuan dan agama Islam sebagai agama rasmi. Hasil dari mesyuarat ini, tertubuhnya Suruhanjaya Cobbold pada 17 Januari 1962.

Conference of the Commonwealth Parliamentary Association participated by leaders from Sarawak, North Borneo*, Singapore and the Federation of Malaya was held in Singapore in 23rd July 1961. The conference recommended the establishment of Malaysia Solidarity Consultative Committee Meeting (MSCC). Four meetings of MSCC created the basis of the Malaysia Constitution including the needs for a Federal Government and Islam as the accepted official religion. The Cobbold Commission was formed on 17th January 1962 as an outcome from the meeting.



Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia
• Malaysia Solidarity Consultative Committee Meeting (MSCC)

* North Borneo / Borneo Utara = changed name to Sabah in 1963

SURUHANJAYA COBBOLD *THE COBBOLD COMMISSION*

1962

Suruhanjaya Cobbold telah dibentuk pada 17 Januari 1962 untuk meninjau pandangan penduduk di Sarawak dan Borneo Utara terhadap gagasan Malaysia. Suruhanjaya ini telah dipengerusikan oleh Lord Cobbold dan dua (2) lagi ahli mewakili kerajaan British dan dua (2) lagi ahli dari kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Hasil tinjauan telah mendapati bahawa:

- 1/3 penduduk menyokong kuat penubuhan Malaysia
- 1/3 menyokong dengan syarat kepentingan mereka dilindungi
- 1/3 hendak merdeka dahulu sebelum berada dalam Persekutuan Malaysia




The signing of the Cobbold Report of the Commission of Enquiry, North Borneo and Sarawak, at Knebworth House, London on 21 June, 1962.




The Commission consists of five members, and is chaired by Lord Cobbold, a former governor of the Bank of England. Its other members are Dato' Wong Pow Nee and Encik Mohd Ghazali bin Shafie, representing the government of Malaya, Sir Anthony Abell, and Sir David Watherston, the representative of the British government. Mr. H. Harris acted as the Secretary.

The Cobbold Commission was formed on 17th January 1962 to obtain the views of the people of Sarawak and North Borneo on the Malaysian proposal. This Commission was chaired by Lord Cobbold and two (2) members representing the British Government and two (2) members from the Government of the Federation of Malaya. Results of the survey have found that:

- 1/3 of the population strongly supported the formation of Malaysia
- 1/3 supported, provided their interests are protected
- 1/3 wanted to be independent first before forming the Federation of Malaysia



Sebaik sahaja Suruhanjaya Cobbold mengeluarkan laporannya pada bulan Julai 1962 dan mendapat bahawa 80% penduduk Borneo Utara dan Sarawak bersetuju dengan cadangan Malaysia, maka satu pengumuman rasmi telah dikeluarkan bahawa Persekutuan Malaysia akan ditubuhkan. Dalam menyiapkan tugasannya inilah Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) telah ditubuhkan dan turut dikenali sebagai Landsdowne Committee. Jawatankuasa ini telah dipengerusikan oleh Lord Lansdowne selaku *Minister of State for Colonial Affairs* serta Tun Abdul Razak sebagai Timbalan Pengerusi.



As soon as The Cobbold Commission Report was released in July 1962 showing that 80% of the people of North Borneo and Sarawak favoured the formation of Malaysia, an announcement was made that the Federation of Malaysia will be formed. In preparation the Inter-Governmental Committee (IGC) was formed and also known as the Landsdowne Committee. This Committee was chaired by Lord Lansdowne, the Minister of State for Colonial Affairs with Tun Abdul Razak as Deputy Chairman.



Gabenor Sarawak Sir Alexander Waddell (kiri) menyambut ketibaan Sir Anthony Abell salah seorang anggota Suruhanjaya Cobbold sebaik tiba di Kuching

Sarawak Governor Sir Alexander Waddell (left) greets Sir Anthony Abell upon the Cobbold Commission's arrival in Kuching

**JAWATANKUASA
ANTARA KERAJAAN
THE INTER-GOVERNMENTAL
COMMITTEE**

1962

Ketibaan para pegawai Jawatankuasa Antara Kerajaan dari Borneo Utara, Sarawak dan Britain di Kuala Lumpur pada 17 Januari, 1963.

Arrival of officials of the Inter-Governmental Committee from North Borneo, Sarawak and Britain in Kuala Lumpur on 17th January, 1963.



Sumber/Sources: ANM

MALAYSIA

Report of the Inter-Governmental Committee, 1962*

*Presented to Parliament by the Secretary of State for Commonwealth Relations
and Secretary of State for the Colonies
by Command of Her Majesty
February 1963*

MALAYSIA

Report of the Inter-Governmental Committee

On August 1st, 1962 the British Government and the Government of the Federation of Malaya jointly announced their decision in principle that, subject to the necessary legislation, the proposed Federation of Malaysia should be brought into being by 31st August, 1963.

They also announced that an Inter-Governmental Committee would be established, on which the British, Malayan, North Borneo and Sarawak Governments would be represented. The task of this Committee was to work out the future constitutional arrangements and the form of the necessary safeguards for North Borneo and Sarawak. The Chairman of the Inter-Governmental Committee was the Marquess of Lansdowne, the Minister of State for Colonial Affairs.

The Inter-Governmental Committee held a preparatory Plenary meeting in Jesselton on the 30th August, 1962. The final Plenary meetings of the Committee were held in Kuala Lumpur on the 18-20th December, 1962.

The Committee has now agreed on its Report which is attached.

*[Reproduced from Command Paper 1954, with the permission of the Controller of Her Majesty's Stationery Office. Annex B, relating to the civil service, and Annex D, listing the meetings of the Inter-Governmental Committee, have not been reproduced.]

Kiri ke kanan, En. Frank Mills, (Setiausaha pertama British High Commission), Encik Aziz Yeop, (Timbalan Setiausaha, Malaysia Div. Jabatan Perdana Menteri), Encik T.J.O' Briem (Britain), Mr. J. Pike (Sarawak), Encik G.A.T. Shaw (Sarawak), Hon'ble Encik P.E.H. Pike (Sarawak), Encik H.P.Hall (Britain), Encik W. S. Holley (North Borneo) dan Mr.J.O. Ballard (North Borneo). (Sumber: Muzium Sarawak) • Left to right, Mr. Frank Mills, first secretary of British High Commission, Mr. Aziz Yeop, Deputy Secretary, Malaysia Div. Prime Minister's Department, Mr. T.J.O' Briem (Britain), Mr. J. Pike (Sarawak), Mr. G.A.T. Shaw (Sarawak), the Hon'ble Mr. P.E.H. Pike (Sarawak), Mr. H.P.Hall (Britain), Mr. W. S. Holley (North Borneo) and Mr.J.O. Ballard (North Borneo) (Source: Sarawak Museum)

PILIHAN RAYA UMUM PERTAMA SARAWAK

Sarawak telah mengadakan Pilihan raya negeri yang pertama pada April - Jun 1963. Pilihan raya negeri terbahagi kepada tiga (3) peringkat, iaitu:

- peringkat Majlis Daerah (peringkat pertama)
- peringkat Majlis Penasihat Bahagian (peringkat kedua)
- peringkat Majlis Negeri (peringkat ketiga)

Proses persediaan negeri Sarawak untuk berkerajaan sendiri bermula dengan penubuhan parti politik pada Jun 1959, seterusnya diikuti dengan pilihan raya pada tahun 1963 dan pelantikan Ketua Menteri serta Ahli Majlis Negeri pada 22 Julai 1963. Proses ini berterusan sehingga persidangan Majlis Negeri yang dihadiri oleh pasukan misi Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 4 September 1963.



Sumber/Sources: ANM

SARAWAK'S FIRST STATE ELECTION

Sarawak held its first state election between April-June 1963. The election was divided into three (3) stages, namely:

- District Council level (first level)
- Regional Advisory Council level (the second level)
- State Council level (third level)

The process of preparing Sarawak for self-governance started with the establishment of political parties in June 1959, followed by elections in 1963 and the appointment of the Chief Minister and Members of State Council on 22nd July, 1963. This process continued until the conference of the State Council attended by the representative of the United Nations (UN) on 4th September, 1963.



SARAWAK: PEMERINTAHAN SENDIRI SELF-GOVERNANCE 1963

Pada 22 Julai 1963 Sarawak memperolehi pemerintahan sendiri dari Britain. Ketua Menteri yang pertama dan Kabinet pertama dilantik.

On 22nd July 1963, Sarawak gained self-governance from Britain. The first Chief Minister and the first Cabinet were appointed.

KABINET PERTAMA SARAWAK (1963) / SARAWAK'S FIRST CABINET (1963)



Dari kiri/From left

YB Awang Hipni bin Pengiran Annu,
YB Penghulu Francis Umpau,
YB Dunstan Endawi anak Enchana,
YB James Wong Kim Ming,
YB Stephen Kalong Ningkan,
YB Dato' Abang Othman,
YB Abdul Taib Mahmud,
YB Teo Kul Seng,
YB Tajang Laing

24 Ogos 1961 / 24 August 1961

Jawatankuasa Persekutuan Perpaduan Malaysia Pertama di Jasinah
The First Malaysia Solidarity Committee at Jasinah

16 Januari 1962 / 16 January 1962

Anggota Sarawaknya Cobbold. (Dari kiri) Ghazi Shafee, Dato Wong Pooi Nee,
Lord Cobbold, Sir David Wetherstan dan Sir Anthony Abell.
Members of the Cobbold Commission: (from left) Enock Ghazi Shafee,
Dato Wong Pooi Nee, Lord Cobbold, Sir David Wetherstan and
Sir Anthony Abell

19 Februari 1962 / 19 February 1962

Gabenor Sarawak Sir Alexander Wetherell (kiri) menyambut ketibaan
Sir Anthony Abell sebelum seringkata Sarawaknya Cobbold
semasa tiba di Kuching
Sarawak Governor Sir Alexander Wetherell (left) greets Sir Anthony Abell
upon the Cobbold Commission's arrival in Kuching

22 Julai 1963 / 22 July 1963

Ketua Menteri Sarawak yang pertama Dato' Stephen Kalong Ningkan
First Chief Minister of Sarawak Dato' Stephen Kalong Ningkan



A large, waving Malaysian flag is positioned in the upper right corner of the image, its colors (red, white, yellow, and black) contrasting with the white textured background.

PANEL 4

SARAWAK

KE ARAH PEMBENTUKAN



TOWARDS FORMATION OF

MALAYSIA

1963 PERJANJIAN MALAYSIA MALAYSIA AGREEMENT

